

## SOALAN LAZIM MENGENAI PERMOHONAN SUBSIDI AYAM DAN TELUR

1. Adakah semua kategori penternak boleh membuat tuntutan subsidi?

**Tidak. Hanya penternak ayam pedaging dan ayam penelur sahaja.**

2. Adakah tuntutan subsidi dikira berdasarkan pengeluaran atau penjualan?

**Berdasarkan penjualan merujuk kepada pengeluaran pada 5 Februari hingga 5 Jun 2022.**

3. Bilakah permohonan subsidi boleh dibuat?

**Bermula 5 Februari 2022 (jam 8.00 pagi) hingga 6 Jun 2022 (sebelum jam 5 petang).**

4. Adakah bukan warganegara juga boleh menuntut subsidi?

**Boleh. Sekiranya pemohon adalah pemegang lesen menternak yang sah yang tergolong dalam kategori penternak serta kategori ladang yang terlibat dalam permohonan subsidi.**

5. Adakah wang subsidi disalurkan kepada akaun syarikat atau akaun pemohon?

**Disalurkan terus ke akaun pemilik lesen (jika penternak persendirian). Namun begitu, jika penternak persendirian memilih untuk menggunakan akaun syarikatnya, maka wang akan disalurkan ke akaun syarikatnya.**

**Sekiranya pemegang lesen adalah pemilik syarikat atau salah seorang pengarah syarikat atau wakil yang diberi kuasa oleh syarikat, maka wang subsidi akan disalurkan ke akaun syarikat.**

6. Mengapakah penternak kontrak diberi subsidi RM0.30/ kg sedangkan penternak persendirian diberi RM0.60/ kg?

**Penternak kontrak berkongsi agihan subsidi dengan integrator sebanyak RM0.30 bagi penternak kontrak dan RM0.30 bagi integrator.**

7. Jika saya tidak mempunyai inbois atau resit jualan, adakah saya masih boleh menuntut subsidi?

**Tidak. Dokumen inbois adalah dokumen utama dalam semakan permohonan subsidi.**

8. Adakah pihak Agrobank mengenakan apa-apa caj menyalurkan wang subsidi ke akaun pemohon jika sekiranya akaun pemohon bukan akaun Agrobank?

**Tiada apa-apa caj dikenakan.**

9. Berapa lamakah tempoh pembayaran subsidi dibuat selepas permohonan?

**Tidak melebihi dua (2) bulan.**

10. Bagaimana kaedah pengiraan subsidi dibuat?

A) Subsidi ayam

**Berdasarkan kepada jumlah ayam yang dijual dengan mengambilkira berat 1.8kg/ ekor.**

**Sebagai contoh 10,000 ekor ayam yang dijual, purata berat jualan 2.2kg/ekor.**

**Pengiraan –  $10,000 \times 1.8 \times 0.60$  (penternak persendirian) = RM10,800.**

**Jika purata berat jualan 1.6kg/ekor;**

**Pengiraan –  $10,000 \times 1.6 \times 0.60$  (penternak persendirian) = RM9600 (kerana berat ayam kurang dari berat 1.8kg).**

B) Subsidi telur

**Berdasarkan jumlah telur bagi gred A, B dan C dengan subsidi sebanyak RM0.05/ biji.**

**Sebagai contoh 10,000 biji telur Gred A,B dan C**

**Pengiraan –  $10,000 \times RM0.05 = RM500$**

11. Berapa pusingan pengeluaran ayam dibenarkan untuk permohonan subsidi?

**Empat (4) pusingan.**

12. Sebagai penternak integrator/ non-integrator, adakah dokumen inbois belian ayam dari penternak kontrak dikira sebagai dokumen permohonan?

**Ya**

13. Jika permohonan saya gagal, adakah rayuan boleh dibuat?

**Ya. Pemohon boleh menghantar surat rayuan kepada Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar.**

14. Saya tidak mempunyai lesen menternak tetapi saya telah lama memelihara ayam di negeri Selangor. Adakah saya boleh memohon subsidi?

**Tidak memiliki lesen menternak merupakan satu kesalahan di sudut Enakmen Perladangan Unggas Negeri. Mempunyai lesen menternak adalah syarat utama bagi permohonan subsidi di negeri Selangor.**

15. Ladang saya terletak di dalam negeri Selangor bersempadanan dengan negeri Perak. Bolehkah saya menghantar permohonan ke negeri Perak?

**Tidak. Borang permohonan perlu dihantar ke negeri Selangor.**

16. Adakah penjualan telur gred D dan E juga termasuk dalam permohonan subsidi?

**Tidak. Hanya telur gred A, B dan C sahaja.**

17. Sekiranya dokumen permohonan subsidi telah hilang, bagaimana cara untuk saya menuntut subsidi?

**Dokumen permohonan hendaklah lengkap semasa permohonan dibuat. Ini merupakan syarat penting permohonan. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan permohonan ditolak.**